

Kekaumas erat hubungan dengan UMS-KAL

LABUAN 19 Jan. - Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) dan Kesatuan Kakitangan Am UMS (Kekaumas) terus menjalinkan hubungan erat.

Ini terbukti menerusi kunjungan mesra oleh Kekaumas ke pejabat Pengarah UMS-KAL, Prof. Madya Dr. Shariff Abdul Kadir Omang di tingkat 13, bangunan Menara UMS-KAL, Khamis lalu.

Presiden Kekaumas, Amat Jutrah Musnih bersama 17 anggota Exco kesatuan itu menyertai lawatan tersebut.

Pada lawatan berkenaan, Amat Jutrah turut memaklumkan aktiviti dan peranan kesatuan itu terhadap 700 ahli, termasuk pegawai dan pekerja di kampus tersebut.

Shariff berkata, kesatuan itu akan terus menyokong dasar-dasar kerajaan dan UMS demi kebaikan kakitangan sokongan di universiti tersebut.

Katanya, sokongan dan kerjasama kepada pengurusan UMS, terutama Naib Canselor, Datuk Seri Dr. Kamaruzaman Ampon dan Pendaftar UMS,

Abdullah Mohd. Said sangat diperlukan, sekali gus memastikan misi dan visi UMS dapat direalisasikan oleh warga institusi pengajian tinggi itu.

"Kekaumas juga perlu menjalinkan kerjasama yang erat dengan pegawai utama dan kanan UMS, pensyarah serta kakitangan sokongan sendiri sebagai ahli," katanya di sini.

Shariff turut menasihatkan kakitangan sokongan supaya menjadi ahli Kekaumas agar segala permasalahan berkaitan dengan perjawatan dapat ditangani dengan baik.